



12 MAR, 2026

Media Prima serah RM3j ringan penderitaan rakyat Palestin

Harian Metro, Malaysia



Media Prima serah RM3j ringan penderitaan rakyat Palestin

Putrajaya: Media Prima Berhad (Media Prima) menyerahkan sumbangan berjumlah RM3 juta bagi mengisi Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin (AAKRP).

Pengarah Urusan Kumpulan Media Prima, Datuk Rafiq Razali berkata, sumbangan hasil kutipan Tabung Kemanusiaan Palestin Media Prima bertujuan meringankan beban dan penderitaan rakyat Palestin.

“Pada kami, perjuangan rakyat Palestin sangat penting kerana Tabung Kemanusiaan Palestin Media Prima sudah ditubuhkan lebih daripada 10 tahun dan kami berjaya menyalurkan lebih RM20 juta sejak tabung ini dilancarkan.

“Sebenarnya kami hanyalah fasilitator, ‘hero’ sebenar kepada sumbangan ini adalah semua rakyat

“Pada kami, perjuangan rakyat Palestin sangat penting”

Pengarah Urusan Kumpulan Media Prima, Datuk Rafiq Razali

Malaysia kerana dengan keikhlasan mereka, kami berjaya menyumbangkan amaun yang begitu besar untuk menolong rakyat Palestin yang terkesan,” katanya selepas menyerahkan cek replika sumbangan Tabung Kemanusiaan Palestin Media Prima kepada Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan di Wisma Putra, semalam.

Hadir sama, Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan Media Prima, Rosli Sabarudin serta Pengurus Besar Kumpulan, Jabatan



MOHAMAD menerima replika cek daripada Rafiq (kiri) ketika Majlis penyampaian sumbangan kepada Tabung Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin di Putrajaya. - Gambar NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

Komunikasi Korporat dan Pejabat Pengerusi Media Prima, Azlan Abdul Aziz.

Selain Media Prima, beberapa syarikat lain termasuk Tenaga Nasional Berhad (TNB) turut menyerahkan sumbangan masing-masing bagi mengisi AAKRP.

Sementara itu, Mohamad merakamkan penghargaan kepada semua penyumbang khususnya Media Prima yang menyumbang kepada AAKRP.

“Saya ingin memaklumkan bahawa tabung ini (AAKRP) diurus dengan baik, ada jawatankuasa dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Luar sendiri dan kita mengaudit serta buat laporan berkala ke Kabinet berkenaan prestasi AAKRP ini.

“Kita menghulurkan bantuan daripada tabung ini kepada banyak orga-

nisasi termasuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Gaza, Jordan, Mesir serta dalam negara kita,” katanya.

Sejak 7 Oktober 2023, Tabung Kemanusiaan Palestin Media Prima dilaporkan telah menyumbang lebih RM9.05 juta bagi membantu mangsa konflik di Palestin melalui pelbagai bentuk bantuan termasuk pek makanan, bahan perubatan, bekalan bahan api untuk hospital serta penempatan sementara.

Media Prima melalui tabung berkenaan terus komited menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada rakyat Palestin dengan kerjasama agensi serta pertubuhan bukan kerajaan yang berpengalaman dalam melaksanakan misi bantuan di wilayah berkenaan.